



SIARAN MEDIA

POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH JALIN KOLABORASI BERSAMA LIMA AGENSI DAN INDUSTRI

Sabak Bernam, 14 September 2023 - Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) menjalinkan kolaborasi strategik bersama lima agensi dan pihak industri bagi melahirkan graduan politeknik yang memenuhi keperluan industri.

Sijil kolaborasi telah ditandatangani oleh Pengarah PSIS, Mohamad Yusof Sulaiman pada program Simposium Kebangsaan Halal Industri Pelancongan dan Hospitaliti 2023 anjuran Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, PSIS dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Lima agensi dan pihak industri terbabit ialah Institut Pemberdayaan Ummah Selangor (INSPES), Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL), Sungai Panjang Agro Tourism Sdn. Bhd, Kemuda Holdings Sdn. Bhd, dan Big Dataworks Sdn. Bhd.

Mohamad Yusof, berkata hubungan kerjasama ini dapat memberikan impak positif kepada PSIS dalam melahirkan graduan berciri warga global yang relevan dengan keperluan pasaran industri terkini.

“Kolaborasi ini ialah perkongsian ilmu dan pengetahuan berkaitan keperluan, melalui pembabitan pakar daripada pihak industri untuk memastikan silibus selain kurikulum ditawarkan di PSIS kekal relevan serta selari dengan perubahan teknologi semasa.

“Jalanan ini juga seiring dengan Teras Strategik ke-5 JPPKK iaitu memperkukuhkan kolaborasi industri dan komuniti,” katanya.

Tambah beliau, jalinan kolaborasi seumpama ini turut membuka peluang kepada pelajar untuk membuat latihan industri serta syarikat memilih graduan yang berpotensi untuk terus diserap berkhidmat dengan agensi masing-masing.

Mengulas mengenai Simposium yang sedang berlangsung, Mohamad Yusof berkata, Simposium ini bertujuan untuk meneroka bagaimana kelestarian dalam bidang halal dapat digunakan untuk memperkukuhkan dan memperluaskan penawaran produk dan perkhidmatan halal dalam industri pelancongan dan hospitaliti bersama panel yang pakar serta kompeten dalam bidang tersebut.

Hadir sama, Pakar Halal Negara, Mohamad Amri Abdullah dan Penasihat Industri PSIS, Rohizam Mohd Yusof.

PSIS merupakan salah sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berteraskan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan terbuka kepada warganegara Malaysia yang terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memenuhi syarat-syarat dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat tanpa had umur dengan menawarkan 10 program Diploma berdasarkan permintaan industri keperluan semasa.

-TAMAT-

**POLITEKNIK SULTAN IDRIS SHAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

14 SEPTEMBER 2023

*Dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan dan Komunikasi Korporat
Politeknik Sultan Idris Shah*

Telefon: 03-32806200